

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
September 2024
1 1/4 jam



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2024

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan*
2. *Jawab **semua** soalan*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

- 1 Pernyataan berikut berkaitan dengan sub bidang perakaunan.

Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman dan antara skop kerja ialah kawalan, perancangan dan pengurusan pengeluaran

Apakah sub bidang tersebut?

- A Percukaian
- B Pengauditan
- C Perakaunan kewangan
- D Perakaunan pengurusan

- 2 Urusniaga berikut diperoleh daripada Perniagaan Rizky

Merekodkan gaji RM1 900 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk gaji belum bayar RM300

Apakah andaian atau prinsip perakaunan yang dipatuhi?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Prinsip kos
- C Usaha berterusan
- D Wang sebagai ukuran

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sebuah perniagaan.

- Liabiliti tidak terhad
- Dimiliki oleh 2 – 50 orang
- Untung atau rugi dibahagikan mengikut syarat yang telah dipersetujui

Manakah perniagaan yang menepati ciri-ciri tersebut?

- A Lim Trading
- B Kerlis Berhad
- C Koperasi Maju Berhad
- D Klinik Syah dan Munis

- 4 Puan Aisyah menjalankan perniagaan menjual kasut. Apakah hasil bukan operasi perniagaannya?
- A Untung jualan perabot
 - B Komisen diterima
 - C Diskaun diberi
 - D Jualan kasut

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan persamaan perakaunan.

Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
(350)	(400)	50

Manakah urus niaga yang menepati kesan tersebut?

- A Menjelaskan hutang berjumlah RM400 dengan cek RM350 dan terima diskaun RM50
 - B Menerima bayaran RM350 daripada Akaun Belum Terima dan beri diskaun RM50
 - C Sebuah mesin taip RM400 dijual secara kredit pada harga RM350
 - D Inventori alat tulis RM350 dijual secara kredit pada harga RM400
- 6 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Azhar Enterprise.

Pemilik menghantar dokumen kepada pelanggannya bagi mengenakan bayaran tambahan caj pengangkutan

Apakah dokumen tersebut?

- A Nota debit asal
 - B Nota kredit asal
 - C Nota debit salinan
 - D Nota kredit salinan
- 7 Manakah dokumen yang **tidak** direkodkan dalam Buku Tunai?
- A Resit
 - B Invois
 - C Bil Tunai
 - D Keratan cek

8 Manakah fungsi jurnal yang betul?

	Jurnal	Fungsi
A	Jurnal Am	Merekod ambilan tunai dan barang niaga
B	Jurnal Belian	Merekod belian aset bukan semasa secara kredit
C	Jurnal Penerimaan Tunai	Merekod jualan barang niaga secara tunai
D	Jurnal Pulangan Keluar	Merekod pulangan barang niaga daripada pembeli

9 Maklumat urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Saniah.

Pada 17 Mac 2024, pemilik telah mengambil barang niaga bernilai RM450 untuk didermakan kepada rumah anak yatim

Manakah catatan jurnal am yang betul?

A

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2024			
Mac 17	Derma	450	
	Belian		450

B

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2024			
Mac 17	Derma	450	
	Inventori		450

C

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2024			
Mac 17	Belian	450	
	Inventori		450

D

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2024			
Mac 17	Ambilan	450	
	Belian		450

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada petikan Buku Tunai Ara Entreprise.

Buku Tunai							
Tarikh	Butiran	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Tunai	Bank
2024		RM	RM	2024		RM	RM
Jun 1	Baki b/b		1 450	Jun 20	Sarah		960
7	Sarah		960				

Manakah urus niaga yang merujuk kepada catatan pada 20 Jun 2024?

- A Menerima cek daripada Sarah
 - B Cek daripada Sarah dibatalkan
 - C Jualan tunai kepada Sarah dibankkan
 - D Pembayaran kepada Sarah dengan cek
- 11 Manakah urus niaga yang direkod dalam Buku Tunai Runcit?
- A Penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima
 - B Penerimaan sewa kedai secara tunai
 - C Membeli perabot secara tunai
 - D Membeli setem secara tunai
- 12 Apakah yang menyebabkan modal perniagaan bertambah?
- A Rugi kasar
 - B Rugi bersih
 - C Untung kasar
 - D Untung bersih

- 13 Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Pakaian Rona.

Pemilik mengambil 5 pasang baju melayu bernilai RM500 untuk tujuan promosi.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Belian
B	Promosi	Ambilan
C	Promosi	Belian
D	Belian	Promosi

- 14 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Kedai Kasut Selesa.

Akaun Kawalan Belum Terima

2024		RM	2024		RM
Jan 1	Baki b/b	12 000	Jan 31	Bank	6 500
31	Jualan	8 000		Diskaun	500
	Z	1 100		Baki h/b	14 100
		21 100			21 100
Feb 1	Baki b/b				
		14 100			

Apakah **Z**?

- A** Faedah.
B Kontra.
C Hutang lapuk
D Pulangan jualan
- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Farhan Enterprise.

Imbangan Duga pada 30 April 2024 (Petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Belian	55 800	
P	5 000	
Modal		80 000
Q		2 300

Apakah **P** dan **Q**?

	P	Q
A	Akaun Belum Terima	Ambilan
B	Inventori awal	Deposit kadar bayaran
C	Pulangan jualan	Faedah atas Simpanan Tetap
D	Peruntukan Hutang Ragu	Hutang Lapuk Terpulih

- 16 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Tamara pada 30 Jun 2024.

Akaun Pulangan Belian					
2024			2024		
		RM			RM
Jun 30	X	150	Jun 30	Akaun Belum Bayar	150
		150			150

Apakah X?

- A Akaun Modal
 - B Akaun Perdagangan
 - C Akaun Untung Rugi
 - D Akaun Bank
- 17 Manakah yang betul tentang ciri perakaunan asas akruan?
- A Belanja prabayar diiktiraf sebagai belanja
 - B Hasil belum terima diiktiraf sebagai hasil
 - C Hasil belum terperoleh diiktiraf sebagai hasil
 - D Belanja belum bayar tidak diiktiraf sebagai belanja
- 18 Pilih pernyataan yang betul mengenai belanja belum bayar.
- I Disenaraikan sebagai belanja di Akaun Untung Rugi
 - II Belanja tahun semasa yang masih belum dibayar
 - III Diambil kira sebagai belanja pada akhir tempoh kewangan semasa
 - IV Direkod sebagai Aset Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Maklumat berikut diperoleh daripada petikan Imbangan Duga Perniagaan Maisarah.

Perniagaan Maisarah
Imbangan Duga pada 31 Ogos 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	6 480	
Peruntukan Hutang Ragu		172

Maklumat tambahan:

Peruntukan Hutang Ragu bertambah kepada RM276

Berapakah hutang ragu yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM448
B RM276
C RM172
D RM104
- 20 Manakah butiran yang **tidak** diambil kira dalam kaedah penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemaskini Buku Tunai?
- A Cek yang diterima belum didepositkan
B Kesilapan catatan di Buku Tunai
C Pindahan Kredit
D Caj Bank
- 21 Manakah antara berikut perekodan pelupusan Aset Bukan Semasa dalam Akaun Untung Rugi?
- I Untung atas pelupusan direkodkan di bahagian debit Akaun Untung Rugi
II Rugi atas pelupusan direkodkan di bahagian debit Akaun Untung Rugi
III Untung atas pelupusan direkodkan di bahagian kredit Akaun Untung Rugi
IV Rugi atas pelupusan direkodkan di bahagian kredit Akaun Untung Rugi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV



- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada petikan Imbangan Duga Perniagaan Aina.

Perniagaan Aina
Imbangan Duga pada 30 Jun 2024

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	125 000	
Susut Nilai Berkumpul kenderaan		15 000

Maklumat tambahan:

- i. Sebuah kenderaan baharu bernilai RM50 000 dibeli secara kredit pada 1 April 2024.
- ii. Susut nilai kenderaan ditetapkan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan?

- A RM22 250
B RM24 500
C RM26 000
D RM27 250
- 23 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Perniagaan Ming Jo.

Belian daripada Lee tersalah rekod ke dalam Akaun Tee

Apakah jenis kesilapan tersebut?

- A Kesilapan ketinggalan
B Kesilapan komisen
C Kesilapan prinsip
D Kesilapan songsang
- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Myra bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2023.

Jualan dianggarkan berjumlah RM38 400 setiap bulan iaitu 60% daripadanya diberi tempoh kredit sebulan

Berapakah anggaran jualan tunai pada bulan November?

- A RM15 360
B RM23 040
C RM53 760
D RM61 440

- 25 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Farhah pada 31 Disember 2023.

	RM
Jualan	120 000
Untung Kasar	59 520
Kadar Pusing Ganti Inventori	8 kali

Berapakah inventori purata?

- A RM7 440
 B RM7 560
 C RM15 000
 D RM22 440
- 26 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Jenny.

Penyata Mengira Modal pada 30 September 2024	
	RM
R	19 400
Tolak: S	10 500
Modal pada 30 September 2024	8 900

Apakah butiran bagi **R** dan **S**?

	R	S
A	Modal awal	Modal akhir
B	Belian	Jualan
C	Akaun Belum Terima	Overdraf bank
D	Akaun Belum Bayar	Inventori Akhir

- 27 Manakah merupakan ciri perkongsian?

- A Terdiri daripada dua hingga tiada had maksimum bilangan pekongsi.
 B Liabiliti adalah tidak terhad setakat modal yang dilaburkan
 C Didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 D Diuruskan oleh Anggota Lembaga Pengarah yang dilantik

- 28 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Rahayu yang tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap pada 31 Disember 2023.

	RM
Baki Akaun Belum Terima 1 Januari 2023	5 428
Diskaun diberi	480
Peruntukan Hutang Ragu	720
Jualan kredit	6 840
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2023	3 862

Berapakah jumlah penerimaan tunai?

- A RM7 206
 B RM7 346
 C RM7 656
 D RM7 926
- 29 Manakah butiran yang direkodkan di bahagian kredit Akaun Pengasingan Untung Rugi?
- A Gaji pekongsi
 B Ambilan pekongsi
 C Faedah atas modal
 D Faedah atas ambilan
- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian HaFa pada 31 Disember 2023 yang telah bersetuju membubarkan perniagaan mereka.

	RM
Aset	35 000
Liabiliti	1 550

Semua aset telah direalis dengan nilai RM27 000 dan liabiliti telah dijelaskan sepenuhnya.

Belanja realisasi ialah RM600.

Berapakah untung atau rugi realisasi perkongsian tersebut?

- A Untung RM7 050
 B Untung RM8 600
 C Rugi RM7 050
 D Rugi RM8 600

- 31 Apakah butiran pendapatan modal bagi kelab dan persatuan?
- A Untung minuman
- B Sewa alatan sukan
- C Faedah atas simpanan tetap
- D Derma untuk membina gelanggang
- 32 Pada 1 Ogos 2023, Syarikat AC Berhad menerbitkan 300 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer. Syarikat memulangkan lebihan langganan syer sebanyak RM200 000 kepada pemohon yang tidak berjaya pada 30 Ogos 2023.

Manakah catatan bergu yang betul untuk merekod urus niaga pada 30 Ogos 2023?

	Debit	Kredit
A	Bank	Modal Syer Biasa
B	Modal Syer Biasa	Bank
C	Bank	Permohonan Syer Biasa
D	Permohonan Syer Biasa	Bank

- 33 Syarikat Maju Cepak Berhad telah menerbitkan 500 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer tersebut telah dilanggan dan dibayar penuh.
- Manakah catatan yang betul?

A	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023	
	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	500 000 unit syer biasa	500 000
B	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023	
	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	500 000 unit RM1 syer biasa	500 000
C	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023	
	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	500 000 unit x RM1 syer biasa	500 000
D	Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023	
	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
	500 000 unit syer biasa RM1 sesyer	500 000

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Kasih Berjaya Berhad.

Pada 1 April 2023, modal diterbitkan dan membayar penuh terdiri daripada 800 000 unit syer biasa berjumlah RM400 000 dan 750 000 unit 6% syer keutamaan berjumlah RM1 500 000.

Maklumat tambahan:

Pada 31 Mac 2024, syarikat telah mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang syer keutamaan dan 6 sen sesyer kepada pemegang syer biasa.

Berapakah jumlah dividen?

- A RM69 000
- B RM93 000
- C RM114 000
- D RM138 000

- 35 Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Penduduk Taman Perpaduan sepanjang Januari 2024.

	RM
Baki 1 Januari 2024	400
Yuran ahli	650
Sewa loker	150
Alat tulis	130
Honorarium	290

Berapakah baki pada 31 Januari 2024?

- A RM380
- B RM780
- C RM820
- D RM1 120

- 36 Maklumat berikut diperoleh daripada Bendahari Kelab Sukan dan Rekreasi Aman.

	1 Januari 2024	31 Disember 2024
	RM	RM
Yuran belum terima	105	-
Yuran belum terperoleh	-	65

Maklumat tambahan:

Jumlah yuran yang telah diterima untuk tahun 2024 ialah RM2 180.

Berapakah yuran bagi tahun berakhir 31 Disember 2024?

- A RM2 350
B RM2 220
C RM2 140
D RM2 010
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Rekreasi Amanda yang menjalankan aktiviti rekreasi dan perkhidmatan restoran untuk ahlinya.

Kelab Rekreasi Amanda			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024			
	RM		RM
Utiliti	1 000	Yuran ahli	15 000
Gaji	3 500	Untung restoran	5 300
Derma	2 200		

Berapakah lebihan atau kurangan?

- A Lebihan RM15 800
B Lebihan RM13 600
C Kurangan RM15 800
D Kurangan RM13 600

38. Manakah antara yang berikut merupakan komponen Belanja Langsung?

- I Sewa kilang
 - II Royalti
 - III Cap dagangan
 - IV Susut nilai mesin
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

39. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kopi Barista.

	RM
Gaji pekerja kilang	16 000
Gaji penyelia kilang	20 000
Elektrik dan air kilang	5 000
Pelbagai belanja kilang	9 000

Berapakah kos overhead?

- A** RM50 000
B RM45 000
C RM34 000
D RM30 000

40. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Kilat?

	RM
Harga jualan seunit	200
Kos berubah seunit	120
Kos tetap	12 000

Berapakah jumlah kasut yang diperlukan untuk mendapat keuntungan sebanyak RM6 000?

- A** 225 unit
B 150 unit
C 90 unit
D 75 unit

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT